

1103/2
BAHASA MELAYU
Kertas 2
November 2021
2 ½ jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi soalan **Bahagian B, soalan 8** berdasarkan teks novel Tingkatan 4 atau Tingkatan 5.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Malaysia kaya dengan sumber alam apabila dikurniakan tanah subur, suhu panas dan lembap serta taburan hujan sepanjang tahun. Hutan bakau menghiasi pantai kita, hutan sama ada di tanah rendah atau pergunungan kaya dengan pelbagai spesies tumbuhan dan haiwan. Sebahagian spesies ini tidak boleh ditemui di tempat lain kecuali di negara ini. Malaysia masih sebuah negara hijau diliputi hutan yang diklasifikasikan sebagai salah sebuah negara mega biodiversiti.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Lestari ke arah 'utopia"
Datuk Dr Freezailh Che Yeom,
Berita Harian, 24 September 2019

[8 markah]

SOALAN 2: SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris di bawah kepada ayat susunan songsang.

Ramai orang kecewa apabila mereka difitnah, dikeji dan dimalukan menerusi media sosial. Kejadian ini dinamakan sebagai buli siber. Buli siber merupakan perbuatan membuli melalui teknologi digital. Masyarakat mengejar populariti dan pendapatan di alam maya. Kesan buli menyebabkan seseorang mengalami gangguan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Mangsa buli perlu membuat aduan kepada pihak berkuasa. Setiap masyarakat berhak untuk dihormati meskipun secara dalam talian. (61pp)

Dipetik dan diubah suai daripada
Hentikan Buli Siber
oleh Fadli Ali
Dewan Siswa, Bil 11/2020

[6 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

*Dalam petikan, terdapat **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Taktik pertanian moden seperti teknologi hidroponic mengurangkan pengguna tenaga buruh dan ruang yang minima. Oleh sebab itu, banyak petani-petani cenderung menggunakan peralatan moden kerana menjimatkan masa. Sampai bilakah pertanian harus dimonopoli golongan berusia. Penggunaan dron untuk menguruskan ladang mampu menggantikan penggunaan tenaga buruh. Kepesatan teknologi sebagai daya penarik untuk para belia menceburi aspek pertanian. Masyarakat perlu mengikis persepsi positif berkaitan sektor ini walaupun kemahiran dan kelulusan menjadi kayu ukur demi untuk melonjakkan pertanian negara.

Dipetik dan diubah suai daripada Internet

[11 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti, kemudian tulis petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat."


Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA

Teliti lakaran situasi di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam lakaran tersebut.



[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
(35 markah)

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kuala Lumpur: Ruang tanah yang terhad di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wangsa Sari, di sini, bukanlah alasan untuk penduduknya tidak menjalankan aktiviti berkebun.

"Setiap hari, ada sahaja kegiatan dijalankan sama ada menyiram, menggemburkan tanah, membuat baja kompos atau menyemai benih baharu. Aktiviti berkebun bukan sahaja banyak membantu *menjimatkan kos* di dapur tetapi juga membuatkan kami lebih sihat dengan mengeluarkan peluh setiap hari," kata Pengurus Kebun Bandar Damai Sari Mohd Fazil Md Noor, 51.


Lebih menarik, kebun yang dibangunkan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini menjadikan sisa makanan dan dedaun kering sebagai baja organik agar tanaman tumbuh lebih segar dan subur.

Mohd Fazil berkata, penggunaan baja organik lebih selamat untuk tumbuhan, tanah, alam sekitar dan manusia.


"Tujuannya hanya satu, kita mahu kembali kepada zaman dulu-dulu yang hanya bergantung kepada alam semula jadi," katanya kepada Bernama.





Dipetik dan diubah suai daripada
'Baja Organik Bantu Tanaman Subur, Segar'
Harian Metro 8 Oktober 2021

Bahan 2

KEBAIKAN BAJA ORGANIK 

- Membantu memperbaiki struktur tanah dan kandungan nutrien dari semasa ke semasa.
- Menggalakkan pertumbuhan mikroorganisma baik yang memastikan kesuburan tanah dalam jangka masa panjang.
- Kandungan baja organik yang biodegradasi dan tidak menyebabkan pencemaran berbanding baja kimia.



 @mawagro.organic
 mawarteraju
 019 714 1501
019 718 1501
 www.mawarteraju.com.my

<https://www.facebook.com/pages/category/Agriculture/Tips-Tanaman-Organik>

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata “*menjimatkan kos*”.
[2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1 dan Bahan 2**, nyatakan kelebihan penggunaan baja organik dalam sektor pertanian.
[3 markah]

(iii) Kebanyakan petani kini sudah mula berubah daripada kaedah pertanian konvensional kepada pertanian organik.

Pada pandangan anda, apakah peranan kerajaan untuk membantu golongan petani beralih kepada pertanian organik?

[3 markah]

(iv) En Shamsul merupakan seorang pegawai bank yang bertugas di sebuah bandar. Dalam kesibukan bekerja, beliau gemar melakukan aktiviti berkebun pada masa terluang. Namun begitu, keluasan tanah yang agak terhad di kediaman beliau menyukarkannya untuk merealisasikan minat tersebut.

Cadangkan **langkah-langkah** yang boleh diambil untuk membantu En Shamsul memanfaatkan hobi yang disukainya itu.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Saya mengeluarkan bungkusan lauk dan nasi yang saya angkat dari meja hidangan selepas getar suara Mak Piah menyelinap ke urat hati tadi.

“ Nana...

“ Nana suruh cik ... hantar semua ni? Dia masak sendiri, kan?”

Mak Piah memang amat peramah. Saya pun menikmati *resipi pembohongan* yang terpampang tiba-tiba!

Ya Allah, ampunkanlah saya kalau ini dapat membahagiakan hati wanita yang jelas teramat sangat sedang merindukan anak cucunya.

Saya tidak perlu banyak berbohong untuk menyambung keramahan bicaranya kerana Mak Piah lancar menyoal, dan segera menjawab pula! Daripada Nubhan, anak sulung yang sentiasa tunduk kepada isteri, sehinggalah kepada Nana, anak bongsu yang takutkan suami. Saya merakamkan cerita dalam lautan fikir yang masih tidak mampu menerima kenyataan bahawa masih ada manusia tergamak memisahkan anak daripada ibu tua mereka.

“Nana sihat? Anak-anak dia macam mana? Suami dia...”

Sampai di situ, suara Mak Piah terhenti. Ya Allah, apa yang saya nak jawabkan ni?

Dipetik daripada cerpen `Banjir di Mata Emak'
oleh Che Soo Ismail,
Antologi *Baik Budi Indah Bahasa*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angh ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing,
Antologi Sejadah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud “ **resipi pembohongan**”
[2 markah]
- ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, mengapakah anak-anak sering mengabaikan ibu bapa mereka?
[4 markah]

- iii) Anak-anak ialah generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan. Namun generasi muda hari ini sudah cetek nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan generasi muda ini cetek nilai-nilai murninya?

[3 markah]

- iv) Rakan anda telah mendirikan rumah tangga dengan pasangan pilihannya yang dikenali sejak zaman persekolahan. Dia ingin membawa ibunya tinggal bersama-sama memandangkan ibunya sudah tua dan uzur tetapi isterinya tidak bersetuju

Sebagai rakan yang prihatin, apakah cara yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda menyelesaikan masalah tersebut?

[4 markah]

SOALAN 8: NOVEL

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kini, Raiha hanya mampu mengeluh resah di ruang kondominium mewahnya itu. Agak lama dia terseret dalam menungannya. Dia memikirkan kepentingan para pesakit yang datang dengan harapan yang tinggi menggunung di pusat rawatan itu. Tentang sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. Tentang layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari. Kemudian, tentang beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang. Ahli keluarga segelintir pesakit yang terdiri daripada golongan masyarakat kelas menengah bawah itu. Aduan dan rungutan yang kerap menusuk jiwanya, belakangan ini.

Akhirnya ... sesuatu yang dilihat tapi tidak dinampak itu, biarpun masih kelam, sudah mula menunjukkan diri kini ...

Dipetik daripada Novel *Pantai Kasih*
Karya Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah yang difikirkan oleh Doktor Raiha semasa berada di kondominium mewahnya ?

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f. Tirani, karya Beb Sabariah
- g. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menggambarkan kepentingan kerjasama dalam menjayakan sesuatu.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

SOALAN 9: RUMUSAN

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Dahulu, kegiatan menghabiskan masa dengan bermain permainan komputer atau telefon pintar akan dianggap tidak mendatangkan manfaat, satu hobi yang membuang masa dan melalaikan. Kini, siapa sangka dengan bermain permainan komputer atau telefon pintar menjadi wadah baharu bagi golongan muda untuk berekreasi sehingga mampu menjanakan pendapatan yang lumayan. Di Malaysia, e-sukan merupakan antara bidang sukan yang baharu dan sedang berkembang. Namun begitu, sukan ini sudah bermula sejak tahun 1970-an lagi dan pertama kali diadakan di Stanford University, Amerika Syarikat.

E-sukan memberikan banyak manfaat kepada pemainnya, khususnya mereka yang menjadikan sukan ini sebagai kerjaya. Ganjaran lumayan bakal menanti pemain e-sukan yang berjaya merangkul kejayaan. Sebagai contoh Kejohanan ESL One Genting Dota 2 di Genting Highlands pada tahun 2017 menawarkan hadiah berjumlah RM1.12 juta. Selain menawarkan hadiah lumayan kepada pemain e-sukan juga memberi faedah kepada sesebuah negara melalui penganjuran pertandingan bertaraf antarabangsa. Kedatangan peminat e-sukan dapat meningkatkan kunjungan pelancong ke Malaysia kerana e-sukan mempunyai daya tarikan tersendiri yang boleh meningkatkan lagi sektor pelancongan negara.

Keprihatinan kerajaan terhadap perkembangan e-sukan jelas menunjukkan bahawa sukan tersebut mempunyai potensi untuk memartabatkan nama negara pada persada antarabangsa seiring dengan sukan-sukan yang lain. Kementerian Belia dan Sukan turut berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab e-sukan di Asia, sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada anak muda terutama dalam bidang pengkomputeran. Untuk melahirkan atlet e-sukan yang profesional, e-sukan boleh dijadikan salah satu subjek dalam pembelajaran di sekolah ataupun peringkat pengajian tinggi, memandangkan e-sukan didominasi dan diminati oleh golongan muda. Di samping itu, tenaga pengajar yang arif dalam e-sukan perlu ditempatkan di setiap sekolah atau universiti yang menawarkan subjek e-sukan. Oleh itu, satu kursus baharu perlu diwujudkan pada peringkat universiti. Persepsi negatif terhadap individu yang meminati permainan komputer atau telefon pintar seharusnya diubah. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak mustahil suatu hari nanti mereka bakal mengharumkan nama negara melalui e-sukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'E-Sukan Alternatif Baharu Untuk Berekreasi'
oleh Zulfiqar Mohd Yusof
Dewan Siswa, Bil 3 2019

Bahan 2-Grafik



KERTAS SOALAN TAMAT